

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Pembiayaan Peribadi-i HSBC Amanah (APF-i). Pastikan anda membaca terma dan syarat dalam borang permohonan APF-i. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma dan syarat borang permohonan APF-i.)

Nama Bank : HSBC Amanah Malaysia Berhad  
 Nama Produk : Pembiayaan Peribadi-i HSBC Amanah  
 Tarikh :

**1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

Produk ini ialah pembiayaan peribadi tidak bercagar yang dikira atas dasar kadar rata tetap.

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?**

Konsep Syariah yang terpakai adalah Komoditi Murabahah (kos campur keuntungan). Di bawah konsep ini, anda akan melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli bagi pihak anda komoditi-komoditi patuh Syariah seperti logam yang bukan berharga (emas dan perak adalah khususnya dikecualikan) atau komoditi-komoditi lain yang diperdagangkan di Bursa Suq Al-Sila' (dari Bursa Malaysia), Pertukaran Logam London atau pertukaran-pertukaran komoditi lain sepertimana yang dipersetujui antara pihak-pihak dari Bank sebagai penjual pada harga jualan Bank (iaitu harga kos campur keuntungan pada kadar keuntungan yang terpakai setiap tahun). Selepas itu, anda memberikan kuasa kepada Bank sebagai ejen anda untuk menjual komoditi-komoditi patuh Syariah yang telah dibeli oleh anda, pada harga kos kepada Bursa Suq Al-Sila', Pertukaran Logam London atau pertukaran komoditi-komoditi lain. Harga kos tersebut mewakili jumlah kemudahan di bawah APF-i yang akan dibayar ke dalam akaun anda.

**3. Berapakah usia minimum yang layak untuk produk ini?**

Usia minimum ialah 21 tahun.

**4. Apakah manfaat yang saya terima daripada produk ini?**

• Jumlah yang dibiayai (pada harga kos): RM \_\_\_\_\_ • Tempoh: \_\_\_\_\_ bulan • Kadar untung: \_\_\_\_\_ % setahun • Kadar efektif: \_\_\_\_\_ % setahun

**5. Apakah tanggungan saya?**

• Bayaran bulanan anda: RM \_\_\_\_\_  
 • Jumlah bulanan yang perlu dibayar pada akhir \_\_\_\_\_ bulan ialah: RM \_\_\_\_\_

**6. Apakah yuran dan caj lain yang perlu saya bayar?**

Tiada yuran dan caj lain.

**7. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungan saya?**

- Caj pembayaran lewat akan dikenakan pada kadar berikut, menyebabkan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar meningkat:
  - 1% setahun ke atas jumlah bayaran belum jelas (dalam tempoh pembiayaan).
  - Kadar tidak melebihi kadar "IIMM" sedia ada ke atas keseluruhan nilai belum jelas (selepas tempoh APF-i atau selepas pengadilan, yang mana lebih awal). Kadar IIMM ialah kadar purata wajaran semalaman harian bagi pelaburan Mudarabah antara-bank, yang disebut harga dalam pasaran wang antara-bank Islam Malaysia.
- Hak untuk mengimbangi: Kami berhak untuk mengimbangi atau menggunakan sebarang baki kredit dalam akaun-akaun anda di Bank kami untuk menjelaskan sebarang baki belum jelas dalam akaun Pembiayaan-i Peribadi Amanah.
- Kegiatan kutipan: Kami berhak untuk memulakan aktiviti kutipan (termasuk melantik agensi kutipan hutang pihak ketiga) dan mengambil tindakan undang-undang, termasuk prosiding kemuffisan.
- Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda mungkin menjejaskan penerafan kredit anda, menyebabkan kredit lebih sukar diperolehi atau menjadi lebih mahal untuk anda.
- Kad Kredit-i HSBC Bank/HSBC Amanah anda: Had kredit anda mungkin dikurangkan dan/atau hak penggunaan mungkin terhad atau ditamatkan bagi Kad Kredit-i HSBC Bank/HSBC Amanah.

**Caj Pembayaran Lewat**

Bayaran Tertunggak: RM547.50 CPL = RM547.50\*1%\* 10 hari = RM0.15.  
 Bilangan hari tertunggak: 10 365 hari  
 Caj Pembayaran Lewat (CPL): 1%

**8. Bagaimana jika saya menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum akhir tempoh pembiayaan?**

- Tiada denda dikenakan untuk penjelasan awal. Anda boleh membuat penjelasan awal pada bila-bila masa dalam tempoh pembiayaan.
- Tempoh notis yang diperlukan: notis bertulis terdahulu selama 1 bulan.

**9. Adakah sebarang lbra' (rebat) diberikan untuk penjelasan awal?**

- Ya. Bank akan memberikan lbra' (rebat) atas harga jualan Bank bagi penjelasan awal mengikut pengiraan Bank.

**Contoh Jadual Pembayaran & Penjelasan Awal APF-i**

Terma Pembiayaan adalah seperti berikut:

Jumlah Pembiayaan 18,000.00  
 Kadar Keuntungan 11.5% Kadar Efektif 19.9743%  
 CPR 20% Kadar Efektif 32.5431%  
 Tempoh (bulan) 48  
 Harga Jualan 32,400.00  
 Bayaran Efektif Bersih 26,280.00

Bulan Pembayaran	Jumlah Bayaran (KKB)	Jumlah Bayaran Bulanan (Kadar Rata)	Perbezaan antara KKB dan Kadar Rata (Rebat)	Bayaran Pokok (Kadar Rata)	Bayaran Untung (Kadar Rata)	Bayaran Efektif Bersih (Kadar Rata)	Wang Pokok Tertunggak (Kadar Rata)	Untung Tertunda (Kadar Rata)
1	675.00	547.50	127.50	247.89	299.61	25,732.50	17,752.11	7,980.39
2	675.00	547.50	127.50	252.01	295.49	25,185.00	17,500.10	7,684.90
3	675.00	547.50	127.50	256.21	291.29	24,637.50	17,243.90	7,393.61
4	675.00	547.50	127.50	260.47	287.03	24,090.00	16,983.43	7,106.58
5	675.00	547.50	127.50	264.81	282.69	23,542.50	16,718.62	6,823.89
6	675.00	547.50	127.50	269.21	278.29	22,995.00	16,449.40	6,545.60
7	675.00	547.50	127.50	273.70	273.80	22,447.50	16,175.71	6,271.80
8	675.00	547.50	127.50	278.25	269.25	21,900.00	15,897.46	6,002.55
25	675.00	547.50	127.50	368.40	179.10	12,592.50	10,391.53	2,200.97
26	675.00	547.50	127.50	374.53	172.97	12,045.00	10,017.00	2,028.00
27	675.00	547.50	127.50	380.76	166.74	11,497.50	9,636.23	1,861.27
28	675.00	547.50	127.50	387.10	160.40	10,950.00	9,249.13	1,700.87
29	675.00	547.50	127.50	393.55	153.95	10,402.50	8,855.59	1,546.92
30	675.00	547.50	127.50	400.10	147.40	9,855.00	8,455.49	1,399.51
31	675.00	547.50	127.50	406.76	140.74	9,307.00	8,048.73	1,258.77
44	675.00	547.50	127.50	504.12	43.38	2,190.00	2,101.82	88.18
45	675.00	547.50	127.50	512.51	34.99	1,642.50	1,589.30	53.20
46	675.00	547.50	127.50	521.05	26.45	1,095.00	1,068.25	26.75
47	675.00	547.50	127.50	529.72	17.78	547.50	538.54	8.96
48	675.00	547.50	127.50	538.54	8.96	0.00	0.00	-

Penafian: Jadual ini menunjukkan pengiraan rebat indikatif pada penyelesaian awal di mana pembayaran-pembayaran telah dibuat sepenuhnya dan tepat pada masanya. Nilai yang dinyatakan di atas mungkin berubah mengikut beberapa pemboleh ubah seperti kesegeraan pembayaran oleh pelanggan, serta jumlah pembayaran dan prabayaran yang berbeza.

### Penjelasan Pembiayaan Awal

Pelanggan ingin membuat penjelasan awal pada bulan pembayaran ke-30:

Untung Tertunda: RM1,399.51

Bayaran Efektif Bersih Tertunggak: RM9,855.00

Jumlah Bayaran bulanan yang dibayar pada bulan ke-30: RM547.50

Caj Penjelasan Awal: RM0 (Produk ini tiada caj penjelasan awal)

### Formula:

$Ibra' = \text{Untung Tertunda} - \text{Caj Penjelasan Awal} = \text{RM1,399.51} - \text{RM0} = \text{RM1,399.51}$

$\text{Penjelasan} = \text{Bayaran Efektif Bersih Tertunggak} - Ibra' = \text{RM9,855.00} - \text{RM1,399.51} = \text{RM8,455.49}$

### 10. Apakah risiko utamanya?

- Walaupun tiada keperluan khusus untuk menyatakan tujuan pembiayaan, anda harus menguruskan hal ehwal kewangan anda dengan berhemat.
- Jika anda menghadapi masalah memenuhi tanggungan kewangan anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan pilihan pembayaran lain.
- Jika anda seorang pesara yang akan bersara tidak lama lagi, anda perlu menyusun rancangan untuk memastikan terdapat dana secukupnya untuk menjelaskan bayaran bulanan anda.

### 11. Adakah penjamin atau cagaran diperlukan?

Tidak, pembiayaan tidak memerlukan penjamin atau cagaran.

### 12. Adakah sebarang perlindungan takaful diperlukan?

Anda boleh mendapatkan perlindungan takaful, tetapi ia bukan satu keperluan.

### 13. Apa yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?

Anda perlu memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

### 14. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan mengemukakan rayuan?

Jika anda menghadapi masalah membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran lain. Anda boleh menghubungi kami di:

HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 807705-X)

Tel: (603) 2690 9000

Faks: (603) 2026 6720

Emel: [complaints@hsbc.com.my](mailto:complaints@hsbc.com.my)

Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang secara percuma untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250, Kuala Lumpur, Tel: 1800 88 2575 E-mel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

Jika anda mahu membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

HSBC Amanah Malaysia Berhad (Company No. 807705-X)

Tel: 1300 80 2626

Faks: (603) 2179 1111

Emel: [complaints@hsbc.com.my](mailto:complaints@hsbc.com.my)

Anda juga hantar e-mel kepada kami menerusi khidmat Perbankan Internet Peribadi Internet di laman [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dijawab oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di: Block D, Bank

Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1300 88 5465. Faks: 03 2174 1515 Emel: [bnmteletelink@bnm.gov.my](mailto:bnmteletelink@bnm.gov.my)

### 15. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ada apa-apa soalan, sila hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan di 1300 80 2626 atau kunjungi laman web kami di [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my) atau mana-mana cawangan HSBC Amanah/HSBC Bank\* yang berhampiran. [\*Semua cawangan HSBC Bank adalah cawangan yang dikongsi dengan HSBC Amanah.]

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang pembiayaan Islam, sila rujuk kepada risalah bankinginfo mengenai "Perbankan Islam" yang boleh didapati di semua cawangan kami dan juga laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

### 16. Pakej pembiayaan peribadi lain yang disediakan: Tiada.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENJELASKAN BAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA. Maklumat di dalam lembaran pendedahan ini sah mulai ... / ... / ..... (HH/BB/TTTT).